

14 APR 2000

Mahathir-Globalisasi

NEGARA MEMBANGUN MAHU DIWAKILI DALAM KEMUNCAK G-7

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Kumpulan Tujuh Negara Maju (G-7) bahawa negara membangun tidak akan memberi pertimbangan kepada apa-apa resolusi yang dibuat kumpulan itu terhadap ekonomi dunia, termasuk globalisasi, jika mereka tidak diwakili pada persidangan kemuncak G-7.

"Bagaimanapun apa-apa keputusan yang dibuat oleh mereka (G-7), jika tidak baik untuk kita, tidak akan kita terima meskipun jika kita menghadirinya," kata beliau pada persidangan berita pada hari Khamis pada akhir hari kedua Persidangan Kemuncak Kumpulan 77 Negara Membangun (G-77) di sini.

Lebih 60 pemimpin negara membangun sedang menghadiri persidangan kemuncak selama tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata adalah penting bagi negara membangun untuk memberi pendapat mereka kepada negara anggota G-7 "dengan harapan mereka akan mengubahsuai pendirian mereka mengenai globalisasi agar ia tidak menjejaskan kepentingan kita."

Perdana Menteri berkata beliau sudah mengemukakan usul pada persidangan kemuncak itu hari ini untuk memberi kuasa kepada pengerusi G-77 menyuarakan pendapat dan kekhawatiran negara membangun pada Persidangan Kemuncak G-7 di Tokyo pada Jun tahun ini.

G-7 terdiri daripada Britain, Canada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun, Amerika Syarikat dan Russia.

Dr Mahathir mengakui bahawa negara maju telah mula memahami akan kekhawatiran yang disuarakan oleh negara membangun terhadap globalisasi.

"Saya rasa negara maju sudah mula menyedari bahawa globalisasi tidak begitu diterima meskipun di kalangan rakyat mereka sendiri," kata beliau ketika ditanya sama ada negara membangun boleh menghentikan globalisasi.

Dr Mahathir, yang berada di sini bagi menghadiri Persidangan Kemuncak Kumpulan 77 Negara Membangun (G-77) yang masuk hari kedua hari ini, berkata:

"Selepas berlaku demonstrasi di Seattle, kita telah melihat tanda-tanda bahawa mereka setuju yang mereka perlu mengkaji semula globalisasi."

Beliau berkata sesetengah negara anggota G-7 "agak bersedia untuk berunding dengan kita."

Dr Mahathir berkata negara membangun akan terus mengenakan tekanan terhadap mereka supaya mentakrif semula globalisasi agar ia tidak akan menjejaskan negara lemah dan miskin dengan teruknya.

Beliau berkata Kumpulan 15 Negara Ekonomi Sedang Muncul yang turut dianggotai Malaysia, telah meminta G-7 membenarkan perwakilannya untuk berunding dengan negara perindustrian mengenai kebimbangan mereka terhadap ekonomi global.

Perdana Menteri berkata G-77 kini perlu mengenakan "sesuatu bentuk tekanan" terhadap negara anggota G-7 supaya mereka sedia mendengar pendapat dan kebimbangan yang disuarakan oleh dunia membangun.

Mengenai reformasi sistem kewangan antarabangsa, Dr Mahathir berkata; "Adalah bijak untuk mendengar pendapat semua pihak."

-- BERNAMA

ES AAM NMO